

19/01/2000

MT akan perkenal etika berkempen

KUALA LUMPUR, Selasa - Majlis Tertinggi (MT) Umno akan membincangkan langkah memperkenalkan garis panduan baru kepada ahli untuk menetapkan peri laku, cara dan etika berkempen dalam pemilihan parti Mei ini.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata garis panduan itu bertujuan memastikan pemilihan kali ini adalah paling bersih dalam sejarah Umno.

Katanya, MT mahu pemilihan berjalan lancar tanpa tekanan dalam bentuk kempen yang keterlaluan khususnya menggunakan cara tidak sihat seperti politik wang atau salah guna kuasa.

"Umno sebelum ini sudah ada garis panduan tetapi peraturan baru lebih ketat dan teratur mungkin perlu bagi menentukan apa yang boleh dibuat dan tidak boleh dibuat ahli.

"Matlamatnya ialah supaya kempen kali ini sebersih mungkin dan tidak dinodai cara-cara tidak sihat," katanya kepada pemberita selepas majlis tahlil di Memorial Tun Abdul Razak, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Kadir Sheikh Fadzir.

Najib berkata, mesyuarat pengurusan Umno akan membincangkan butir-butir garis panduan baru itu.

Ditanya sama ada garis panduan itu turut menyatakan bentuk hukuman terhadap ahli yang melanggarnya, beliau berkata perkara itu terserah kepada jawatankuasa disiplin dan MT.

Beliau berkata, antara perkara yang boleh meyakinkan pengundi dan masyarakat Melayu untuk terus menyokong Umno ialah apabila kempen pemilihan benar-benar bersih.

"Maksudnya, dalam proses kita memilih pemimpin negara melalui Umno, dia dapat sokongan hakiki tanpa terpengaruh unsur tidak sihat," tegasnya.

Najib berkata, garis panduan itu berasaskan taklimat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada anggota MT dan 65 wakil bahagian dalam kursus persediaan Umno pada 11 Januari lalu.

Katanya, dalam kursus sehari suntuk itu, Dr Mahathir memberi huraian panjang lebar bagaimana mengembalikan kekuatan kepada Umno dan keyakinan orang Melayu kepada Umno.

"Perkara pertama ialah ahli mesti kembali kepada nilai dan prinsip perjuangan Umno yang hakiki iaitu mengutamakan kepentingan parti dan utamakan perjuangan atas semua pertimbangan lain.

"Selain itu, strategi kita selepas pilihan raya untuk mengukuhkan parti menerusi beberapa tindakan serta program antaranya ialah kita laksanakan kursus ini kepada semua ahli Umno sebanyak 2.7 juta atau seberapa ramai mungkin," katanya.

(END)